



## KELESTARIAN KEPIMPINAN ANWAR IBRAHIM MEMENUHI KEHENDAK PENGUNDI MUDA

*SUSTAINABILITY OF ANWAR IBRAHIM'S LEADERSHIP FULFILLS THE  
ASPIRATIONS OF YOUNG VOTERS*

Muhammad Anwar Fahmi Hari Das Abdullah<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah, 78000 Alor Gajah, Melaka, Malaysia  
Email: anwar425@uitm.edu.my

\* Corresponding Author

### Article Info:

#### Article history:

Received date: 20.10.2023

Revised date: 15.11.2023

Accepted date: 21.12.2023

Published date: 31.12.2023

#### To cite this document:

Abdullah, M. A. F. H. D. (2023). Kelestarian Kepimpinan Anwar Ibrahim Memenuhi Kehendak Pengundi Muda. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (34), 269-296.

DOI: 10.35631/IJLGC.834018

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



### Abstrak:

Artikel ini bertujuan untuk meneroka sejauh mana kepimpinan lestari Anwar Ibrahim memenuhi kehendak pengundi muda. Secara khususnya, artikel ini akan menjawab soalan-soalan berikut: Apakah Anwar Ibrahim seorang Perdana Menteri yang lestari merujuk generasi muda. Adakah karisma kepimpinan Anwar Ibrahim mudah difahami oleh anak muda. Adakah pengenalan dasar kepimpinan Anwar Ibrahim diterima oleh anak muda. Kaedah gabungan antara penyelidikan kuantitatif dan juga kualitatif digunakan dalam penyelidikan ini. Seramai 51 responden yang berusia 18-26 tahun dipilih secara rawak, untuk menjawab soal selidik yang diedarkan melalui pendekatan kuantitatif. Seramai 5 informan ditemubual menerusi pendekatan kualitatif. Responden merupakan pelajar Ijazah Sarjana Muda Perhubungan Awam, Fakulti Komunikasi Dan Pengajian Media UiTM Melaka. Enam langkah pengukuhan tema, telah digunakan untuk, analisis transkrip para informan (*thematic analysis*). Hasil dapatan kualitatif mendapati, Anwar Ibrahim memang amat mesra anak muda, serta prihatin terhadap apa sahaja isu yang disuarakan, beliau juga diperakui memiliki kepimpinan, aura serta karisma yang tinggi, untuk memimpin negara ini. Anak muda menerima kepimpinan Anwar Ibrahim namun memerlukan penerangan terhadap hebahan berita palsu yang dilemparkan terhadap kepimpinan dan kerajaan beliau. Merujuk kajian kuantitatif sebanyak 70% responden setuju beliau amat berkarisma untuk memimpin. 64% responden yakin dengan dasar dan perkhidmatan kerajaan manakala 72% menyokong dasar pemerkasaan ekonomi, yang diterapkan oleh Anwar Ibrahim. Diharapkan penyelidikan ini mampu perhalusi oleh kerajaan kepimpinan Anwar Ibrahim untuk agenda pemerkasaan tamadun bangsa Malaysia yang berdaulat, berintegriti serta berdaya saing.

**Kata Kunci:**

Anwar Ibrahim, Kelestarian, Kepimpinan, Pengundi Muda

**Abstract:**

This article aims to explore the extent to which Anwar Ibrahim's sustainable leadership meets the needs of young voters. Specifically, this article will address the following questions: Is Anwar Ibrahim a sustainable Prime Minister referring to the younger generation? Is Anwar Ibrahim's leadership charisma easily understood by young people? Is the introduction of Anwar Ibrahim's leadership policies accepted by young people? A combination of quantitative and qualitative research methods is used in this study. A total of 51 respondents aged 18-26 were randomly selected to answer the survey distributed through a quantitative approach. Five informants were interviewed through a qualitative approach. Respondents are undergraduate students majoring in Public Relations, Faculty of Communication and Media Studies at UiTM Melaka. Six steps of thematic analysis were used to analyze the transcripts of the informants. The qualitative findings indicate that Anwar Ibrahim is very friendly to young people and concerned about any issues raised. He is also recognized to possess leadership, aura, and charisma to lead the country. Young people accept Anwar Ibrahim's leadership but require clarification on false news thrown at his leadership and government. Referring to the quantitative study, 70% of respondents agree that he is highly charismatic to lead. 64% of respondents are confident in the government's policies and services, while 72% support the economic empowerment policies implemented by Anwar Ibrahim. It is hoped that this research will be refined by the leadership of Anwar Ibrahim for the empowerment agenda of Malaysia's sovereign, integrity, and competitive civilization.

**Keywords:**

Anwar Ibrahim, Sustainability, Leadership, Young Voters

## Pengenalan

Perkembangan Politik Malaysia mulai menyinar melalui kepimpinan YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim yang telah diangkat sebagai Perdana Menteri Malaysia mulai 24 November 2022 Istana negara, melalui perkenan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah selepas perbincangan yang diadakan bersama Raja-Raja Melayu di Istana negara. YDPA nekad memperkenan dan melantik Anwar Ibrahim selaku Perdana Menteri ke-10. Keputusan Pilihanraya ke-15 (PRU15), menyaksikan tidak ada parti politik di Malaysia memperoleh 2/3 majoriti mudah, untuk membentuk Kerajaan. Namun konsensus yang dimeterai antara pelbagai parti komponen, telah membolehkan Anwar Ibrahim dipilih dan dilantik sebagai PM ke-10 di negara ini. Gandingan antara parti politik Pakatan Harapan (PH), Barisan Nasional (BN), Warisan, Gabungan Parti Sarawak (GPS) Gabungan Rakyat Sabah (GRS), Parti Bangsa Malaysia (PBM), Parti Kesejahteraan Demokratik Malaysia (KDM) dan Bebas. Gandingan 14 parti politik berkaitan, telah membolehkan Kerajaan Perpaduan memiliki hampir 147 kerusi, untuk dipersembahkan kepada YDPA di Istana Negara agar proses pelantikan seorang Perdana Menteri mudah direalisasikan.

Keputusan PRU15 pada 15 November 2022 menjadi asas kukuh kepada pelantikan Perdana Menteri Malaysia ke-10. Perkara 40(2)(a) dan Perkara 43(2)(a) Perlombagaan Persekutuan

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

membolehkan YDPA melantik seorang Perdana Menteri, setelah memperolehi kepercayaan majoriti ahli-ahli wakil rakyat. Anwar Ibrahim yang juga merupakan ahli Parlimen Tambun (P.063) telah diperkenan oleh YDPA untuk dilantik sebagai PM ke -10. Kepimpinan Anwar Ibrahim juga dikenali sebagai PMX sering kali diberikan tekanan oleh barisan pembangkang yang terdiri daripada parti politik Bebas, Ikatan Demokratik Malaysia (MUDA), Perikatan Nasional (PN), PAS dan juga para pemimpin veteran seperti mantan Perdana Menteri Malaysia Tun Dr Mahathir bin Mohamad. Serangan berterusan terhadap kepimpinan Anwar Ibrahim dan Kerajaan Perpaduan dilakukan secara berterusan melalui aplikasi media baharu (TikTok, Facebook), media perdana, *blog*, himpunan solidariti gerakan pemuda barisan pembangkang dan pelbagai pihak yang berkepentingan untuk melihat Kerajaan Perpaduan di bawah kepimpinan Anwar Ibrahim tumbang atau dapat digulingkan sebelum tempoh penggal pembubaran parlimen iaitu pada tahun 2027. Kajian yang dijalankan oleh Meijer (2012) jelas menunjukkan bahawa perkembangan terkini dalam media baharu, telah berjaya membentuk persekitaran interaksi dalam alam maya dan meningkatkan partisipasi yang meluas di kalangan pengguna.

*Internet World Stats* (2021) menjelaskan daripada angka 32,776,194 orang penduduk Malaysia, seramai 29,161,765 merupakan pengguna internet yang dicatatkan pada Jun 2021, keadaan ini memperteguhkan pengaruh media sosial di kalangan anak muda dan pengundi akar umbi. Anwar Ibrahim perlu membetulkan segera segala fitnah dan agenda hasutan pembangkang agar Kerajaan Perpaduan tidak disalah ertikan oleh pengundi dan rakyat akar umbi. Corak atau pola pengundian akar umbi berkait rapat dengan keberkesanan mesej yang disampaikan atau hujah balas pemimpin terhadap isu yang dibangkitkan khususnya isu tempatan, yang juga menyumbang kepada sokongan pengundi untuk memilih parti pilihan mereka ketika musim Pilihanraya (Adam & Feber, 1980). Serangan terhadap kepimpinan Anwar Ibrahim serta Jemaah Menteri khususnya kepimpinan Timbalan Perdana Menteri satu (1) Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Bin Hamidi dan juga Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak berkaitan isu kes pendakwaan rasuah serta beberapa pertuduhan sebelum ini dijadikan isu atau senjata tajam politik untuk mempengaruhi minda, pemikiran serta keputusan pengundi akar umbi khususnya golongan pengundi muda untuk menolak kepimpinan Anwar Ibrahim dan juga Kerajaan Perpaduan. Pendekatan mempengaruhi pengundi muda dapat dilihat sangat ketara khususnya di laman media sosial seperti TikTok dan juga keterlibatan secara langsung anak muda, menyokong Gerakan Himpunan Hijau atau gerakan di bawah PAS dan juga PN sepanjang PRU15 dan juga pilihan raya negeri (PRN) pada bulan Ogos 2023. Namun demikian kebijaksanaan dan kepekaan kepimpinan Anwar Ibrahim dan juga kepimpinan Kerajaan Perpaduan telah berusaha secara konsisten di dalam pelbagai platform dan majlis serta himpunan untuk mendekati pengundi muda yang terdiri dari kalangan pelajar sekolah, kolej dan juga Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di negara ini.

Anwar Ibrahim berusaha keras secara konsisten mendekati kumpulan sasaran khususnya anak muda IPT dan pelajar sekolah serta belia di negara ini. Azizan Bahari (1995) menjelaskan lingkungan usia belia adalah di kalangan mereka yang berusia 15 hingga 40 tahun. Penarifan ini amat sesuai dan signifikan, tatkala Anwar Ibrahim menjelaki kumpulan berkaitan melalui pelbagai platform dan juga majlis yang dianjurkan oleh pelbagai Kementerian, serta Ketua Jabatan di peringkat Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Tempatan. Pelbagai fitnah dan isu perkauman hatta agenda menggugat reputasi pemimpin kerajaan dilakukan secara meluas dan berterusan. Menerusi penyelidikan Mohd Anuar Ramli (2018) bersama rakan-rakan telah menjelaskan wujud aktiviti modus operandi penyebaran berita dan maklumat palsu yang

menonjolkan nama individu berpengaruh atau berautoriti, menonjolkan isu sentimen perkauman dan juga mengeksploitasi agama, disertai menyebarkan fadhilat penyebaran, fatwa dan ancaman pengabaian berita palsu berkaitan.

Keberadaan Perdana Menteri di dalam majlis dialog yang dikenali sebagai *Town hall Meeting* yang dilaksanakan oleh Pejabat Perdana Menteri (PMO) bersama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), amat signifikan dan berkesan khususnya untuk menjelaki apa sahaja permasalahan warga universiti dan kampus serta sekolah. Kerajaan di bawah kepimpinan Anwar Ibrahim, nekad menangani dan meningkatkan taraf pendidikan serta kompetensi anak muda di negara ini. Anwar Ibrahim juga dilihat amat cakna serta menjadi pendengar yang baik ketika sesi soal jawab dijalankan di kalangan pemimpin dan juga himpunan remaja yang hadir di dalam majlis dialog berkaitan. Kerajaan juga berjaya memberikan penerangan serta pencerahan berkaitan pelbagai isu dan fitnah, yang dilemparkan terhadap kepimpinan Kerajaan yang sedia ada. Keadaan ini telah menyebabkan kebanyakan pemimpin pembangkang tidak dapat menerima hakikat, dan menegah kerajaan dan Anwar Ibrahim agar tidak dekati, atau memasuki kampus dan sekolah untuk majlis pencerahan seperti berikut.

Kerajaan Perpaduan tidak memiliki pilihan yang banyak, atau perlu lebih bijak secara konsisten dan tegas menggunakan apa sahaja ruang dan kemudahan yang ada, merujuk lunas perundungan negara, untuk memperkasakan pentadbiran serta kepimpinan Kerajaan Perpaduan agak tidak dilihat lemah, gagal dan tidak berupaya untuk mentadbir urus negara khususnya di dalam aspek meningkatkan mata wang, menarik pelabur asing, meningkatkan daya saing ekonomi, meningkatkan taraf hidup rakyat, mengawal kenaikan harga barang, meningkatkan peluang pekerjaan anak muda lepasan universiti dan kolej, meningkatkan kadar upah dan gaji penjawat awam serta pekerja swasta, menangkis sebarang fitnah berkaitan hak peribumi Melayu akan tergadai, agama Islam akan tergugat, DAP akan menguasai kerajaan, bahasa Melayu akan terpinggir, UiTM akan dibuka untuk bangsa asing di negara ini dan pelbagai lagi fitnah yang berkait dengan isu 3R (Kaum, Bangsa dan Raja) dijadikan ragi atau senjata utama, parti pembangkang untuk mempengaruhi pemikiran anak muda dan pengundi akar umbi di negara ini. Merujuk penyelidikan Fabli Yusof dan Mohd Sufiean (2020) hanya tujuh kes yang melibatkan penghinaan institusi beraja, didapati melibatkan dua akta, untuk mendakwa pesalah yang menghina Institusi Raja yakni Akta Hasutan 1948 dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Kerajaan perlu menguatkuaskan segera akta berkaitan kesalahan 3R secara lebih terperinci, agar agenda memfitnah serta hasutan tidak dilakukan sehingga kerajaan mampu digulingkan.

Kepimpinan Anwar Ibrahim sedang berusaha keras untuk membetulkan pemikiran minda kelas pertama di kalangan pemimpin muda, ketua jabatan, penjawat awam, CEO dan juga kumpulan profesional di pelbagai peringkat Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Tempatan agar pihak berkaitan mampu memahami agenda serta *blueprint* serta *method* yang sedang diusahakan oleh kerajaan, agar negara ini bertambah maju hatta mampu diselamatkan daripada kumpulan mahupun individu yang dilihat, hanya mementingkan agenda peribadi serta mengaut keuntungan untuk diri, anak beranak serta kaum kerabat, mahupun kroni melalui perlakuan rasuah, salah guna kuasa secara berterusan di negara ini. Kumpulan profesor, pensyarah universiti, guru, penjawat awam serta pelajar IPT khususnya Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dilihat telah lama dipengaruhi dengan pemikiran menentang gaya kepimpinan Anwar Ibrahim, DAP, Najib Razak serta Ahmad Zahid, justeru gerakan dan wadah perjuangan Islam dan

kepimpinan Islam melalui politik Islam disajikan agar kumpulan berkaitan terus kekal dan istiqamah dengan agenda 3R di negara ini.

Kerajaan dan Anwar Ibrahim tidak memiliki masa yang panjang, untuk terleka mahupun berkompromi dengan mana-mana pihak, yang nekad meneruskan agenda menghasut serta mempengaruhi pemikiran anak muda, kumpulan profesional serta penjawat awam di negara ini, disamping pemantauan juga perlu dilakukan terhadap pengundi di luar bandar, termasuk dalam kalangan nelayan, petani, peladang dan juga peneroka Felda. Kerajaan juga perlu memantau serta menjaga kebijakan pasukan beruniform seperti polis dan tentera agar tidak memberikan undi protes terhadap kepimpinan kerajaan. Kumpulan seperti tentera miliki pandangan positif terhadap agenda dan perkembangan politik negara, ketika faktor sosioekonomi dan persekitaran mampu mempengaruhi partisipasi politik anggota tentera (Farida Shaari, 1997). Karisma kepimpinan merujuk kepada tingkah laku untuk mempengaruhi dan menggerakkan para pengikut mahupun pekerja bawahan untuk menjalankan tugas agar setiap matlamat yang digariskan mampu dilaksanakan dengan baik (Abdul Monir, 2009; Ainon, 2013; Bensman & Givant, 2010). Anwar Ibrahim juga perlu memastikan kemampuan untuk menguasai barisan anak muda khususnya MPP, belia Politeknik, Kolej, Kumpulan Sarjana Profesor, Ketua Agensi Penguatkuasa (SPRM, PDRM, Kastam, Imigresen, LHDN dan keseluruhan jentera kerajaan, agar bersama menyantuni agenda transformasi kerajaan agar sebelum tahun 2027 tamat penggal parlimen, Kerajaan Perpaduan telah mencapai pelbagai KPI, *blueprint* serta meninggalkan legasi serta *trade* rekod yang mampu menjamin sokongan terhadap Kerajaan Perpaduan berterusan di kalangan pengundi, rakyat akar umbi, dan juga kumpulan pengundi muda di negara ini.

Namun jika Anwar Ibrahim dan kerajaan bertindak longlai, kurang sensitif, peka, siap siaga serta bertindak segera kelak agenda dan mentaliti gulingkan kerajaan, melalui dasar dan prinsip “tebuk atap”, pintu belakang, hasutan, gerakan himpunan jalanan, himpunan kaum, bangsa dan agama akan dijadikan senjata paling tajam untuk mempengaruhi anak muda serta pengundi agar membenci dan menolak apa sahaja dasar, polisi serta dasawarsa kerajaan yang sedia ada. Anwar Ibrahim juga perlu memiliki barisan ketua jabatan dan CEO, serta sarjana hatta pemimpin muda (MPP) yang pro kepada dasar transformasi Kerajaan MADANI, yang sedang digerakkan oleh Kerajaan Perpaduan dari semasa ke semasa, namun jika semua peringkat Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Tempatan ditarik oleh ketua jabatan ,CEO atau pimpinan muda yang tidak cakna serta pro aspirasi Kerajaan MADANI, kelak Anwar Ibrahim dan Kerajaan Perpaduan akan mudah rebah serta hilang 2/3 majoriti pada PRU16, mahupun agenda gulingkan kerajaan akan berlaku lebih awal. Cogner dan Kanungo (2011) telah menjelaskan pemimpin karismatik merupakan individu yang memiliki keyakinan terhadap diri sendiri untuk mengendalikan masalah, serius di dalam merealisasikan visi, perincikan visi dengan baik, memiliki perilaku personaliti yang baik, berupaya menjadi agen perubahan yang produktif, serta peka terhadap kebijakan orang bawahan.

Penyelidikan ini melihat generasi muda adalah pemangkin dan barisan hadapan negara, makanya generasi atau pengundi muda tidak wajar dipengaruhi dengan hasutan dan juga dijadikan perkakas oleh pihak pembangkang, untuk menyerang kepimpinan kerajaan tanpa asas serta fakta yang kukuh, sebaliknya dipenuhi dengan emosi, perasaan benci, serta taksub dengan ideologi kepartian dan agama yang sempit. Kesedaran ini telah menyebabkan penyelidikan melihat tahap gaya kepimpinan dan kelestarian kepimpinan Anwar Ibrahim

mampu membetulkan pemikiran seterusnya mempengaruhi perilaku anak muda di negara ini agar berada di landasan yang betul.

### **Metodologi**

Metodologi penyelidikan ini dijalankan melalui pendekatan penyelidikan gabungan antara method kuantitatif dan juga kualitatif. Pendekatan secara kualitatif, melibatkan lima orang informan, para informan ditemu bual secara tidak berstruktur. Informan berkaitan terdiri dari kalangan dua orang pelajar lelaki dan juga tiga orang pelajar wanita. Temu bual akan dijalankan secara deduktif melalui proses pengekodan, merujuk transkrip persoalan, yang dijawab oleh informan yang akan disertai dengan pemerhatian tema persoalan dan juga perkongsian, dalam kalangan para informan yang ditemu bual secara konsisten.

Penyelidikan secara kuantitatif pula melibatkan 58 orang informan. Para pelajar ini terdiri dari kalangan pelajar Diploma dan juga Ijazah Sarjana Muda Fakulti Pengajian Media Dan Komunikasi Universiti Teknologi MARA UiTM Melaka. Responden yang dipilih secara rawak dan berusia di antara 19 hingga 26 tahun.

### **Lokasi Kejadian**

Kajian ini melibatkan lima orang informan yang juga merupakan pelajar Diploma (MC110/ MC111) dan juga Ijazah Sarjana Muda Perhubungan Awam (MC242) di Fakulti Komunikasi Dan Pengajian Media (FKPM) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Melaka. Latar Belakang informan turut melibatkan mereka yang terdedah dengan pelbagai isu semasa, khususnya kepimpinan dan politik. Purata usia kesemua informan adalah di antara 19 – 26 tahun. Latar belakang dan juga pengalaman serta keterlibatan di dalam parti politik serta kepimpinan berpersatuan telah menjadi sandaran untuk memudahkan penyelidikan dijalankan.

**Jadual 1: Data Bilangan Informan Secara Penyelidikan Kualitatif**

Bil	Taraf Pendidikan	Jantina	Bilangan Informan
1	Diploma	Wanita	3
2	Ijazah	Lelaki	2

### **Populasi dan Pensampelan**

Kata kunci populasi merujuk kepada sekumpulan individu yang memiliki ciri-ciri yang sama dan terlibat secara langsung terhadap agenda penyelesaian masalah. Mohd. Majid Konting (2009), juga memperjelaskan keseragaman dan ketepatan serta sifat dan ciri yang sama mampu diterap dan diukur untuk mendapatkan jawapan kepada setiap persoalan yang wujud di dalam populasi yang dikaji. Merujuk Aruikunto (2002), populasi merujuk objek yang dimanfaatkan untuk tujuan penelitian, maka itu apabila penyelidik ingin melihat pelbagai aspek dan sudut kajian, peranan dan keterlibatan populasi amatlah diberikan penekanan yang serius. Justeru itu, Ismiyanto (2009), memperincikan maksud populasi adalah meliputi keseluruhan sudut penelitian termasuk objek, orang yang berkaitan yang mampu dijadikan sebagai sandaran jawapan mahupun hasil dapatan yang mampan dan kredibiliti.

Penerangan berkaitan populasi dan juga pensampelan turut dibincangkan oleh Nursalam (2003). Sarjana berkaitan menjelaskan bahawa populasi pensampelan merupakan keseluruhan boleh ubah penting yang bakal menjadi penumpuan dan juga pemfokusan utama kajian. Sementara itu, Babbie (2017) menjelaskan populasi merujuk penyelidikan kumpulan manusia berdasarkan permasalahan kajian yang mampu membantu penyelidik, membuat kesimpulan

terhadap kajian mahupun penyelidikan yang nekad dilaksanakan secara tuntas dan kredibiliti serta berterusan.

### ***Rekabentuk Kajian***

Kajian mahupun penyelidikan dilaksanakan berbentuk kuantitatif dan deskriptif. Borang soal selidik direka bentuk secara kredibel untuk mengutip data kajian berikut. Borang soal selidik yang digunakan memiliki dua bahagian yang utama iaitu Bahagian A memberikan pertimbangan untuk mengutip maklumat berkaitan demografi responden. Di samping itu, bahagian B terdiri daripada 3 item mahupun soalan digunakan, untuk menganalisis persoalan:

- I. Apakah Anwar Ibrahim seorang Perdana Menteri yang lestari merujuk generasi muda?
- II. Adakah karisma kepimpinan Anwar Ibrahim mudah difahami oleh anak muda?
- III. Adakah pengenalan dasar kepimpinan Anwar Ibrahim diterima oleh anak muda?

### ***Kaedah Pengukuran dan Instrumen Kajian***

Merujuk penyelidikan kualitatif langkah analisis tema (*thematic analysis*) akan diterapkan. Pendekatan rumusan tema akan dihasilkan setelah meneliti hasil transkrip para informan. Pendekatan sarjana Braun dan Clarke (2006) akan digunakan untuk mengkaji pendekatan analisis secara tema. Pendekatan ini merupakan *method* yang sangat berkesan tatkala penelitian untuk merungkai secara terperinci data kualitatif yang berkait dengan pola dalam sesuatu isu mahupun berkait dengan fenomena yang mampu menjelaskan sejauh mana fenomena berkaitan berlaku melalui penelitian (Fereday & Muir-Cochrane, 2006). Bahkan Holoway & Todres (2003) menjelaskan bahawa *thematic analysis* ini merupakan dasar mahupun polisi untuk melihat kepentingan reka bentuk mahupun proses penyelidikan secara kualitatif dilakukan.

Hampir empat langkah digariskan sebagai panduan untuk menjalankan penyelidikan ini. Langkah pertama adalah memulakan proses temu bual terhadap informan dan mengumpul data. Langkah kedua menjana kod melalui pemerhatian dan catatan transkrip para informan. Langkah ketiga penggabungan kod akan dilakukan sehingga terhasilnya tema. Langkah keempat adalah proses penyamaan tema dilakukan secara lebih rapi dan terperinci. Langkah kelima mendefinisikan dan menamakan tema secara kukuh dan langkah terakhir iaitu ke enam, adalah langkah untuk menghasilkan laporan pembentangan dan rujukan ilmiah untuk pemerhatian serta perkongsian umum.

### **Dapatan Kajian**

#### ***Latar Belakang Responden***

**Jadual 2: Rakaman Percakapan dan Temu Bual Bersama Informan**

Nama samaran /Informan	Syed- Informan 1
Jantina	Lelaki
Usia	23
Bangsa	Melayu
Negeri	Selangor

Nama samaran /Informan	Amir-Informan 2
Jantina	Lelaki
Usia	23
Bangsa	Melayu
Negeri	Kelantan

Nama samaran /Informan	Erina-Informan 3
Jantina	Wanita
Usia	21
Bangsa	Melayu
Negeri	Kedah

Nama samaran /Informan	Aisyah-Informan 4
Jantina	Wanita
Usia	21
Bangsa	Melayu
Negeri	Kelantan

Nama samaran /Informan	Izah-Informan 5
Jantina	Wanita
Usia	21
Bangsa	Melayu
Negeri	Kelantan

### *Transkrip Informan*

#### *Objektif Kajian 1 (Jadual 1-4):*

Apakah Anwar Ibrahim seorang Perdana Menteri yang lestari merujuk generasi muda?

**Jadual 1: Adakah PMX Seorang Yang Mesra Anak Muda?**

Informan 1	Emmmmm, secara general beliau kelihatan mesra dan baiklah.
Informan 2	PMX dapat dikategorikan sebagai seorang tokoh yang rapat dan terkenal dalam kalangan pemimpin, serta mesra dengan anak muda itu yang saya lihat selalu.
Informan 3	Ya lah tu, hal ini kerana sering dilihat penglibatan beliau terhadap aktiviti anak muda seperti lawatan ke universiti atau institusi pendidikan negara
Informan 4	Ya
Informan 5	Ya kerana beliau seorang yang bersahaja dan mudahlah didekati oleh semua

**Jadual 2: Adakah PMX Turun Padang Dan Kerap Berjumpa Anak Muda?**

Informan 1	Ya benar
Informan 2	Ya PMX juga ada melakukan lawatan berbentuk <i>town hall</i> di pelbagai universiti bagi mendengar masalah pelajar
Informan 3	Ya kekerapan beliau berjumpa dengan anak muda sering dipaparkan di media sosial
Informan 4	Ya ada
Informan 5	Ya kerana beliau sering mengadakan siri <i>town hall</i> bersama anak muda terutamanya di IPT

**Jadual 3: Adakah PMX Memenuhi Apa Sahaja Permintaan Anak Muda?**

Informan 1	Kurang pasti <i>e-tunai</i> masih belum diterima oleh pelajar
Informan 2	Kebanyakan permintaan yang berfaedah dan memberi kebaikan bersama dipenuhi PMX
Informan 3	PMX sering memberikan pertimbangan yang baik berkenaan apa sahaja yang dianggap dapat memberikan manfaat kepada anak muda, misalnya dana peruntukan untuk institusi
Informan 4	Ya tetapi bantuan pendidikan sahaja yang masih belum terima memandangkan sekarang telah masuk hujung semester di mana kebanyakan <i>student</i> memerlukan duit poket
Informan 5	Tidak juga beliau akan mengimbang tara semua permintaan tersebut.

**Jadual 4: Adakah Anda Merasakan Lebih Terjamin Masa Hadapan Anak Muda Di Bawah Kepimpinan PMX?**

Informan 1	Kurang pasti
Informan 2	Ya benar kerana PMX adalah seorang yang idealistik, optimistik dan mampu mengembalikan kegemilangan Malaysia
Informan 3	Pada pandangan saya, ya ini kerana pemimpin PMX yang menitikberatkan setiap lapisan masyarakat terutamanya golongan muda, seperti mendengar hak dan suara mereka mampu menjadikan masa hadapan anak muda terjamin di masa hadapan
Informan 4	Ya
Informan 5	Buat masa ini, saya tidak merasakan keterjaminan tersebut kerana belum nampak hasil

**Transkrip Informan:**

**Objektif Kajian 2(Jadual 5-8):**

Adakah karisma kepimpinan Anwar Ibrahim mudah difahami oleh anak muda?

**Jadual 5: Adakah PMX Seorang Yang Memiliki Kepimpinan Berkarisma Tinggi?**

Informan 1	Ya benar
Informan 2	Ya PMX adalah seorang tokoh yang terkenal dengan karisma beliau sejak beliau menuntut di bangku universiti
Informan 3	Ya kerana beliau sentiasa berfikiran terbuka dan tegas dalam menangani isu dalam negara
Informan 4	Ya
Informan 5	Ya cara beliau bercakap dan bekerja dapat dilihat karismanya

**Jadual 6: Adakah Anda Merasakan PMX Amat Sesuai Menjadi PM Malaysia Pada Masa Sekarang?**

Informan 1	Ya, kerana beliau mendapat sokongan paling banyak ketika PRU15, ini menunjukkan majoriti rakyat menyokong beliau
Informan 2	Saya sangat setuju PMX menjadi PM Malaysia atas pelbagai faktor disebabkan kredibiliti beliau
Informan 3	Saya rasa PMX memang sesuai untuk menjadi PM Malaysia
Informan 4	Ya kerana pada pendapat saya, PMX mempunyai latar belakang yang cukup baik untuk menaikkan semula nama Malaysia
Informan 5	Buat masa sekarang ya

**Jadual 7: Apakah Pandangan Anda Apabila Wujud Cubaan Memfitnah Dan Menjatuhkan PMX Serta Kerajaan Perpaduan?**

Informan 1	Tingkah laku yang tidak wajar dilakukan hanya kerana ingin menjatuhkan seseorang
Informan 2	Saya berpandangan bahawa cubaan jatuhkan PMX adalah tidak wajar dan tidak mempunyai bukti cukup
Informan 3	Pada pandangan saya hal ini amatlah tidak rasional kerana setiap pemimpin haruslah diberikan peluang dan ruang dalam mentadbir negara
Informan 4	Pada pandangan saya perkara sebegini tidak seharusnya berlaku kerana kita sepatutnya memberikan peluang kepada kerajaan sekarang untuk memerintah dan mengotakjanji mereka dan kita rakyat perlu lihat perjalanan kerajaan.  Biarkan dahulu mereka memerintah sepenggal, jika tiada perubahan kita berhak menukar kerajaan pada penggal akan datang ketika mengundi.
Informan 5	Tidak perlu buat begitu beri mereka peluang dan kepercayaan untuk memimpin negara

**Jadual 8: Apakah Anda Yakin Malaysia Akan Lebih Maju Dan Kembali Stabil Dari Segi Ekonomi Serta Politik?**

Informan 1	Ya
Informan 2	Ya saya yakin
Informan 3	Saya yakin dengan kuasa pentadbiran kerajaan perpaduan di tambah pemimpin PMX akan menjadikan ekonomi negara menjadi pesat
Informan 4	Saya yakin tapi kena realistik dan bersabar kerana perkara ini ambil masa dan bukannya mudah untuk menstabilkan negara dalam tempoh yang singkat
Informan 5	Tidak begitu yakin namun mungkin akan ada perubahan

**Transkrip Informan:**

**Objektif Kajian 3(Jadual 9-14):**

Adakah pengenalan dasar kepimpinan Anwar Ibrahim diterima oleh anak muda?

**Jadual 9: Adakah Anda Merasakan Anak Muda Mulai Menerima Kepimpinan PMX?**

Informan 1	Anak muda suka akan kepimpinan anwar
Informan 2	Tidak pasti kerana segelintir anak muda masih dijajah fikiran mereka dengan cerita yang tak baik tentang PMX
Informan 3	Ya saya dapat melihat bahawa ramai golongan muda yang selesa dengan corak kepimpinan PMX
Informan 4	Anak muda mula menerima kepimpinan PMX kerana beliau cuba fahami situasi anak muda dan dekat dengan anak muda
Informan 5	Kurang pasti

**Jadual 10: Adakah Anda Yakin Isu Liwat Dan Agenda Pemenjaraan Anwar Ibrahim Adalah Suatu Konspirasi Politik?**

Informan 1	Kurang pasti
Informan 2	Pada pandangan saya isu yang berkait tentang PMX berkemungkinan konspirasi politik untuk menjatuhkan Anwar Ibrahim
Informan 3	Ya saya merasakan ianya merupakan permainan politik kerana keadaan situasi politik ketika itu cuba menutup agenda besar
Informan 4	Ya kerana kita tahu dari segi sejarah terdapat beberapa orang termama yang mahu menjatuhkan beliau (PMX) dan tak mahu beliau naik menjadi PM kerana idea yang dibawa
Informan 5	Bagi saya ya, kerana semasa situasi itu nama PMX sedang naik

**Jadual 11: Adakah Anda Bertambah Yakin Menonton Atau Mendengar Tentang Filem *The Untold Story Anwar Ibrahim*?**

Informan 1	Ya tapi saya belum sempat menonton filem berkaitan
Informan 2	Ya saya terinspirasi
Informan 3	Ya saya dapat melihat perjalanan hidup beliau dan membuatkan saya yakin dan kagum
Informan 4	Secara jujurnya saya tidak minat nak tonton filem itu kerana dikatakan pihak FINAS telah <i>cut</i> jalan cerita filem itu dan seolah-olah ada sesuatu yang hendak disembunyikan kepada masyarakat
Informan 5	Setelah mendengar tidak memberi kesan kepada saya kerana yang penting ialah hasil yang beliau akan salurkan kepada negara

**Jadual 12: Adakah Anda Yakin Agenda Perangi Rasuah, Pemeriksaan Penjawat Awam, Kebebasan Tatakelola Kerajaan Akan Lebih Baik di Bawah Kepimpinan PMX?**

Informan 1	Ya jika beliau berusaha memerangi masalah ini
Informan 2	Benar PMX lebih proaktif
Informan 3	Ya kerana dapat dilihat tampuk pemerintahan beliau yang tegas mampu memerangi isu rasuah dalam negara
Informan 4	Ya kerana kita dapat lihat pada masa sekarang apa yang dilakukan oleh beliau terhadap perangi rasuah amatlah baik seperti yang diperkatakan olehnya
Informan 5	PMX dikenali sebagai anti rasuah dan kini beliau sedang mengaudit negara boleh menjadi lebih baik

**Jadual 13: Adakah Yakin Melayu Islam Dan Perlembagaan Persekutuan Akan Lebih Terjamin di Bawah Kepimpinan PMX?**

Informan 1	Kurang pasti, beliau kurang diketengahkan perihal ini
Informan 2	Benar PM seorang yang menjunjung hukum Islam
Informan 3	Pada pandangan saya ya melayu, Islam, atau perlembagaan akan terjamin kerana PMX prihatin akan setiap lapisan masyarakat
Informan 4	Ya saya yakin
Informan 5	Saya tidak begitu yakin

**Jadual 14: Adakah Anda Yakin PRN 6 Negeri Pada Julai 2023 Akan Berpihak Kepada PMX Atau PN?**

Informan 1	Kurang pasti
Informan 2	Pada pendapat saya PMX sudah menambat hati warga Malaysia maka dengan itu PMX banyak peluang cerah untuk menang PRN
Informan 3	Ya saya yakin kerana kredibiliti beliau amat ketara sepanjang pemerintahan di Kerajaan Perpaduan

Informan 4	<p>Pada pandangan saya PRN yang akan dijalankan nanti peluangnya agak 50-50 kerana kita dapat lihat platform media sosial seperti TikTok dimonopoli oleh ideologi yang dibawa oleh parti PN sama ada daripada <i>influencer</i> mahupun artis-artis tempatan.</p> <p>Pihak Kerajaan Persekutuan juga perlu memanfaatkan semua platform untuk tujuan berkempen dan menyebarkan ideologi Kerajaan Persekutuan</p>
Informan 5	Berpihak kepada PN kerana rakyat terutamanya warga emas penyokong PN

### ***Analisis Transkrip Perbualan Informan Mengikut Pendekatan Tema Mahupun Coding***

#### ***Objektif Kajian 1:***

Apakah Anwar Ibrahim seorang Perdana Menteri yang lestari merujuk generasi muda?

**Jadual 1: Adakah PMX Seorang Yang Mesra Anak Muda?**

<b>SOALAN 1.1</b>	<b>INFORMAN</b>	<b>TRANSKRIP</b>
<b>ADAKAH PMX SEORANG YANG MESRA ANAK MUDA</b>	<b>1</b>	<b>EMMMMM, SECARA GENERAL BELIAU KELIHATAN MESRA DAN BAIKLAH.</b>
	<b>2</b>	PMX dapat dikategorikan sebagai seorang <b>tokoh yang rapat dan terkenal</b> dalam kalangan pemimpin, serta <b>mesra dengan anak muda itu</b> yang saya lihat selalu.
	<b>3</b>	<b>Ya lah tu</b> , hal ini kerana sering dilihat <b>penglibatan beliau terhadap aktiviti anak muda</b> seperti lawatan ke universiti atau institusi pendidikan negara
	<b>4</b>	<b>Ya</b>
	<b>5</b>	<b>Ya</b> kerana beliau seorang yang bersahaja dan <b>mudahlah didekati oleh semua</b>

<b>SOALAN 1.2</b>	<b>TEMA</b>	<b>KOD</b>	<b>INFORMAN</b>
<b>ADAKAH PMX SEORANG YANG MESRA ANAK MUDA</b>	<b>MESRA DAN BAIKLAH</b>	<b>1</b>	<b>1,2</b>
	<b>TOKOH YANG RAPAT DAN TERKENAL</b>	<b>1</b>	<b>2</b>
	<b>YA LAH TU</b>	<b>1</b>	<b>2,3,5</b>
	<b>MUDAHLAH DIDEKATI OLEH SEMUA</b>	<b>1</b>	<b>1</b>

Hasil Dapatan Objektif pertama (1)

Rumusan Jadual 1:

Adakah PMX seorang yang mesra anak muda?

Hasil dapatan jawapan mengikut tema dan *coding* para informan adalah:  
Merujuk kepada hasil penyelidikan dan jawaban informan berkaitan adakah PMX seorang yang mesra anak muda? majoriti informan menyatakan PMX memang amat mesra anak muda serta prihatin terhadap apa sahaja isu yang disuarakan oleh kumpulan berkaitan.

### ***Analisis Transkrip Perbualan Informan Mengikut Pendekatan Tema Mahupun Coding***

#### ***Objektif Kajian 1:***

Apakah Anwar Ibrahim seorang Perdana Menteri yang lestari merujuk generasi muda?

**Jadual 2: Adakah PMX Turun Padang Dan Kerap Berjumpa Anak Muda?**

<b>SOALAN 2.1</b>	<b>INFORMAN</b>	<b>TRANSKRIP</b>
<b>ADAKAH PMX TURUN PADANG DAN KERAP BERJUMPA ANAK MUDA?</b>	<b>1</b>	<b>YA BENAR</b>
	<b>2</b>	Ya PMX juga ada <b>melakukan lawatan berbentuk town hall</b> di pelbagai universiti bagi mendengar masalah pelajar
	<b>3</b>	Ya kekerapan beliau <b>berjumpa dengan anak muda</b> sering dipaparkan di media sosial
	<b>4</b>	<b>Ya ada</b>
	<b>5</b>	Ya kerana beliau sering mengadakan siri <b>town hall bersama anak muda</b> terutamanya di IPT

<b>SOALAN 2.2</b>	<b>TEMA</b>	<b>KOD</b>	<b>INFORMAN</b>
<b>ADAKAH PMX TURUN PADANG DAN KERAP BERJUMPA ANAK MUDA?</b>	<b>YA BENAR</b>	<b>1</b>	<b>1,4</b>
	<b>MELAKUKAN LAWATAN BERBENTUK TOWN HALL</b>	<b>1</b>	<b>2,5</b>
	<b>BERJUMPA DENGAN ANAK MUDA</b>	<b>1</b>	<b>3</b>

Hasil dapatan objektif pertama (1)

Rumusan Jadual 2:

Adakah PMX turun padang dan kerap berjumpa anak muda?

Hasil dapatan jawapan mengikut tema dan *coding* para informan adalah:

Merujuk kepada hasil penyelidikan dan jawaban informan berkaitan kekerapan PMX berjumpa anak muda, majoriti informan menyatakan PMX memang konsisten dan kerap turun padang serta cakna terhadap permasalahan anak muda, belia dan juga pelajar IPT di negara ini.

### **Analisis Transkrip Perbualan Informan Mengikut Pendekatan Tema Mahupun Coding**

#### **Objektif Kajian 1:**

Apakah Anwar Ibrahim seorang Perdana Menteri yang lestari merujuk generasi muda?

#### **Jadual 3: Adakah PMX Memenuhi Apa Sahaja Permintaan Anak Muda?**

SOALAN 3.1	INFORMAN	TRANSKRIP
<b>ADAKAH PMX MEMENUHI APA SAHAJA PERMINTAAN ANAK MUDA?</b>	<b>1</b>	<b>KURANG PASTI E-TUNAI MASIH BELUM DITERIMA OLEH PELAJAR</b>
	<b>2</b>	Kebanyakan permintaan yang berfaedah dan memberi kebaikan bersama dipenuhi PMX
	<b>3</b>	PMX sering memberikan pertimbangan yang baik berkenaan apa sahaja yang dianggap dapat memberikan manfaat kepada anak muda, misalnya dana peruntukan untuk institusi
	<b>4</b>	Ya tetapi bantuan pendidikan sahaja yang masih belum terima memandangkan sekarang telah masuk hujung semester di mana kebanyakan student memerlukan duit poket
	<b>5</b>	Tidak juga beliau akan mengimbang tara semua permintaan tersebut.

SOALAN 3.2	TEMA	KOD	INFORMAN
<b>ADAKAH PMX MEMENUHI APA SAHAJA PERMINTAAN ANAK MUDA?</b>	<b>KURANG PASTI</b>	<b>1</b>	<b>1,4</b>
	<b>MEMBERI KEBAIKAN BERSAMA DIPENUHI PMX</b>	<b>1</b>	<b>2,5</b>
	<b>MENGIMBANG TARA SEMUA PERMINTAAN</b>	<b>1</b>	<b>5</b>

Hasil dapatan objektif pertama (1)

Rumusan Jadual 3:

Adakah PMX memenuhi apa sahaja permintaan anak muda?

Hasil dapatan jawapan mengikut tema dan *coding* para informan adalah:

Merujuk kepada hasil penyelidikan dan jawaban informan berkaitan, adakah PMX memenuhi apa sahaja permintaan? Majoriti informan menyatakan PMX akan menyantuni permintaan anak muda, namun ada juga yang mengatakan mereka tidak pasti dengan kemampuan PMX memenuhi permintaan anak.

### **Analisis Transkrip Perbualan Informan Mengikut Pendekatan Tema Mahupun Coding**

#### **Objektif Kajian 1:**

Apakah Anwar Ibrahim seorang Perdana Menteri yang lestari merujuk generasi muda?

#### **Jadual 4: Adakah Anda Merasakan Lebih Terjamin Masa Hadapan Anak Muda Di Bawah Kepimpinan PMX?**

<b>SOALAN 4.1</b>	<b>INFORMAN</b>	<b>TRANSKRIP</b>
<b>ADAKAH ANDA MERASAKAN LEBIH TERJAMIN MASA HADAPAN ANAK MUDA DI BAWAH KEPIMPINAN PMX?</b>	<b>1</b>	<b>KURANG PASTI</b>
	<b>2</b>	<b>Ya benar kerana PMX adalah seorang yang idealistik, optimistik dan mampu mengembalikan kegemilangan Malaysia</b>
	<b>3</b>	Pada pandangan saya, ya ini kerana pemimpin PMX yang menitikberatkan setiap lapisan masyarakat terutamanya golongan muda, seperti mendengar hak dan suara mereka mampu menjadikan masa hadapan anak muda terjamin di masa hadapan
	<b>4</b>	<b>Ya</b>
	<b>5</b>	Buat masa ini, saya tidak berasa keterjaminan tersebut kerana belum nampak hasil

<b>SOALAN 4.2</b>	<b>TEMA</b>	<b>KOD</b>	<b>INFORMAN</b>
<b>ADAKAH ANDA MERASAKAN LEBIH TERJAMIN MASA HADAPAN ANAK MUDA DI BAWAH KEPIMPINAN PMX?</b>	<b>KURANG PASTI</b>	<b>1</b>	<b>1,5</b>
	<b>YA BENAR</b>	<b>1</b>	<b>2,3,4</b>
	<b>MAMPU MENGEKALIKAN KEGEMILANGAN MALAYSIA</b>	<b>1</b>	<b>2,3</b>

Hasil dapatan objektif pertama (1)

Rumusan Jadual 4:

Adakah anda merasakan lebih terjamin masa hadapan anak muda di bawah kepimpinan PMX?

Hasil dapatan jawapan mengikut tema dan *coding* para informan adalah:  
 Merujuk kepada hasil penyelidikan dan jawaban informan berkaitan, adakah anda merasakan lebih terjamin masa hadapan anak muda di bawah kepimpinan PMX? Majoriti informan menyatakan PMX mampu membela dan mencorakkan masa hadapan remaja dan anak muda di negara ini, walaupun wujud kenyataan kurang pasti daripada sesetengah informan yang melihat kerajaan perpaduan masih baharu, untuk dinilai dan generasi muda mahu melihat kemampuan kerajaan memimpin negara sekurang-kurangnya satu penggal.

**Transkrip Informan:**

**Objektif Kajian 2:**

Adakah karisma kepimpinan Anwar Ibrahim mudah difahami oleh anak muda?

**Jadual 5: Adakah PMX Seorang Yang Memiliki Kepimpinan Berkarisma Tinggi?**

SOALAN 5.1	INFORMAN	TRANSKRIP
<b>ADAKAH PMX SEORANG YANG MEMILIKI KEPIMPINAN BERKARISMA TINGGI?</b>	<b>1</b>	<b>YA BENAR</b>
	<b>2</b>	<b>Ya PMX adalah seorang tokoh yang terkenal dengan karisma beliau sejak beliau menuntut di bangku Universiti</b>
	<b>3</b>	<b>Ya kerana beliau sentiasa berfikiran terbuka dan tegas dalam menangani isu dalam negara</b>
	<b>4</b>	<b>Ya</b>
	<b>5</b>	<b>Ya cara beliau bercakap dan bekerja dapat dilihat karismanya</b>

SOALAN 5.2	TEMA	KOD	INFORMAN
<b>ADAKAH PMX SEORANG YANG MEMILIKI KEPIMPINAN BERKARISMA TINGGI?</b>	<b>YA BENAR</b>	<b>1</b>	<b>1,2,3,4,5</b>
	<b>TERKENAL DENGAN KARISMA</b>	<b>1</b>	<b>2,5</b>
	<b>BERFIKIRAN TERBUKA</b>	<b>1</b>	<b>3</b>

Hasil dapatan objektif pertama (1)

Rumusan Jadual 5:

Adakah PMX memenuhi apa sahaja permintaan anak muda?

Hasil dapatan jawapan mengikut tema dan *coding* para informan adalah:

Merujuk kepada hasil penyelidikan dan jawaban informan berkaitan, adakah PMX seorang yang memiliki kepimpinan berkarsma tinggi? Majoriti informan menyatakan PMX memiliki kepimpinan, aura serta karisma yang tinggi untuk memimpin negara ini

**Transkrip Informan:**

**Objektif Kajian 2:**

Adakah karisma kepimpinan Anwar Ibrahim mudah difahami oleh anak muda?

**Jadual 6: Adakah Anda Merasakan PMX Amat Sesuai Menjadi PM Malaysia Pada Masa Sekarang?**

SOALAN 6.1	INFORMAN	TRANSKRIP
<b>ADAKAH ANDA MERASAKAN PMX AMAT SESUAI MENJADI PM MALAYSIA PADA MASA SEKARANG?</b>	<b>1</b>	<b>YA, KERANA BELIAU MENDAPAT SOKONGAN PALING BANYAK KETIKA PRU15,INI MENUNJUKAN MAJORITI RAKYAT MENYOKONG BELIAU</b>
	<b>2</b>	Saya sangat setuju PMX menjadi PM Malaysia atas pelbagai faktor disebabkan kredibiliti beliau
	<b>3</b>	Saya rasa PMX memang sesuai untuk menjadi PM Malaysia
	<b>4</b>	Ya kerana pada pendapat saya, PMX mempunyai latar belakang yang cukup baik untuk menaikkan semula nama Malaysia
	<b>5</b>	Buat masa sekarang ya

SOALAN 6.2	TEMA	KOD	INFORMAN
<b>ADAKAH ANDA MERASAKAN PMX AMAT SESUAI MENJADI PM MALAYSIA PADA MASA SEKARANG?</b>	<b>YA</b>	<b>1</b>	<b>1,4,5</b>
	<b>SANGAT SETUJU PMX MENJADI PM MALAYSIA</b>	<b>1</b>	<b>2,3</b>

Hasil dapatan objektif pertama (1)

Rumusan Jadual 6:

Adakah anda merasakan PMX amat sesuai menjadi PM Malaysia pada masa sekarang??  
 Hasil dapatan jawapan mengikut tema dan *coding* para informan adalah:  
 Merujuk kepada hasil penyelidikan dan jawaban informan berkaitan, adakah anda merasakan PMX amat sesuai menjadi PM Malaysia pada masa sekarang? Majoriti informan menyatakan PMX memang layak menjadi pemimpin negara pada masa sekarang, berkemungkinan disebabkan karisma serta kemampuan untuk beliau memulihkan ekonomi negara.

**Transkrip Informan:**

**Objektif Kajian 2:**

Adakah karisma kepimpinan Anwar Ibrahim mudah difahami oleh anak muda?

**Jadual 7: Apakah Pandangan Anda Apabila Wujud Cubaan Memfitnah Dan Menjatuhkan PMX Serta Kerajaan Perpaduan?**

<b>SOALAN 7.1</b>	<b>INFORMAN</b>	<b>TRANSKRIP</b>
<b>APAKAH PANDANGAN ANDA APABILA WUJUD CUBAAN MEMFITNAH DAN MENJATUHKAN PMX SERTA KERAJAAN PERPADUAN?</b>	<b>1</b>	Tingkah laku yang tidak wajar dilakukan hanya kerana ingin menjatuhkan seseorang
	<b>2</b>	Saya berpandangan bahawa cubaan jatuhkan PMX adalah <b>tidak wajar dan tidak mempunyai bukti cukup</b>
	<b>3</b>	Pada pandangan saya hal ini <b>amatlah tidak rasional</b> kerana setiap pemimpin haruslah <b>diberikan peluang</b> dan ruang dalam mentadbir negara
	<b>4</b>	Pada pandangan saya perkara <b>sebegini tidak seharusnya berlaku</b> kerana kita sepatutnya <b>memberikan peluang kepada kerajaan sekarang</b> untuk memerintah dan mengotakan janji mereka dan kita rakyat perlu lihat perjalanan kerajaan.  Biarkan dahulu mereka memerintah sepenggal, jika tiada perubahan kita berhak menukar kerajaan pada penggal akan datang ketika mengundi.
	<b>5</b>	<b>Tidak perlu buat begitu beri mereka peluang dan kepercayaan untuk memimpin negara</b>

<b>SOALAN 7.2</b>	<b>TEMA</b>	<b>KOD</b>	<b>INFORMAN</b>
<b>APAKAH PANDANGAN ANDA APABILA WUJUD CUBAAN MEMFITNAH DAN MENJATUHKAN PMX SERTA KERAJAAN PERPADUAN?</b>	<b>TIDAK WAJAR JATUHKAN KERAJAAN</b>	<b>1</b>	<b>1,2,3,4,5</b>
	<b>BERIKAN PELUANG KEPADA PMX DAN KERAJAAN UNTUK MEMBUKTIKAN DAHULU</b>	<b>1</b>	<b>3,4,5</b>

Hasil dapatan objektif pertama (1)

Rumusan Jadual 7:

Apakah pandangan anda apabila wujud cubaan memfitnah dan menjatuhkan PMX serta Kerajaan Perpaduan?

Hasil dapatan jawapan mengikut tema dan *coding* para informan adalah:

Merujuk kepada hasil penyelidikan dan jawaban informan berkaitan, apakah pandangan informan apabila wujud cubaan memfitnah dan menjatuhkan PMX serta Kerajaan Perpaduan? Majoriti informan menyatakan PMX atau kerajaan tidak wajar dijatuhkan dan perlu diberikan laluan untuk membuktikan kemampuan mereka terlebih dahulu.

**Transkrip Informan:**

**Objektif Kajian 2:**

Adakah karisma kepimpinan Anwar Ibrahim mudah difahami oleh anak muda?

**Jadual 8: Apakah Anda Yakin Malaysia Akan Lebih Maju Dan Kembali Stabil Dari Segi Ekonomi Serta Politik?**

<b>SOALAN 8.1</b>	<b>INFORMAN</b>	<b>TRANSKRIP</b>
<b>APAKAH ANDA YAKIN MALAYSIA AKAN LEBIH MAJU DAN KEMBALI STABIL DARI SEGI EKONOMI SERTA POLITIK?</b>	<b>1</b>	Ya
	<b>2</b>	Ya saya yakin
	<b>3</b>	Saya yakin dengan kuasa pentadbiran kerajaan perpaduan ditambah pemimpin PMX akan menjadikan ekonomi negara menjadi pesat
	<b>4</b>	Saya yakin tapi kena realistik dan bersabar kerana perkara ini ambil masa dan bukannya mudah untuk menstabilkan negara dalam tempoh yang singkat
	<b>5</b>	Tidak begitu yakin namun mungkin akan ada perubahan

<b>SOALAN 8.2</b>	<b>TEMA</b>	<b>KOD</b>	<b>INFORMAN</b>
<b>APAKAH ANDA YAKIN MALAYSIA AKAN LEBIH MAJU DAN KEMBALI STABIL DARI SEGI EKONOMI SERTA POLITIK?</b>	<b>YA YAKIN DENGAN KUASA PENTADBIRAN KERAJAAN</b>	<b>1</b>	<b>1,2,3,4,5</b>
	<b>TIDAK BEGITU YAKIN</b>	<b>1</b>	<b>5</b>

Hasil dapatan objektif pertama (1)

Rumusan Jadual 8:

Apakah anda yakin Malaysia akan lebih maju dan kembali stabil dari segi ekonomi serta politik?

Hasil dapatan jawapan mengikut tema dan *coding* para informan adalah:  
 Merujuk kepada hasil penyelidikan dan jawaban informan berkaitan, apakah anda yakin Malaysia akan lebih maju dan kembali stabil dari segi ekonomi serta politik? Majoriti informan menyatakan keyakinan mereka bahawa kerajaan mampu memajukan negara, meningkatkan ekonomi serta stabilkan politik Malaysia.

**Transkrip Informan:**

**Objektif Kajian 3:**

Adakah pengenalan dasar kepimpinan Anwar Ibrahim diterima oleh anak muda?

**Jadual 9: Adakah Anda Merasakan Anak Muda Menerima Kepimpinan PMX?**

SOALAN 9.1	INFORMAN	TRANSKRIP
<b>ADAKAH ANDA MERASAKAN ANAK MUDA MULAI MENERIMA KEPIMPINAN PMX?</b>	<b>1</b>	Anak muda suka akan kepimpinan anwar
	<b>2</b>	Tidak pasti kerana segelintir anak muda masih dijajah fikiran mereka dengan cerita yang tak baik tentang PMX
	<b>3</b>	Ya saya dapat melihat bahawa ramai golongan muda yang selesa dengan corak kepimpinan PMX
	<b>4</b>	Anak muda mula menerima kepimpinan PMX kerana beliau cuba fahami situasi anak muda dan dekat dengan anak muda
	<b>5</b>	Kurang pasti

SOALAN 9.2	TEMA	KOD	INFORMAN
<b>ADAKAH ANDA MERASAKAN ANAK MUDA MULAI MENERIMA KEPIMPINAN PMX?</b>	<b>ANAK MUDA SUKA DENGAN KEPIMPINAN ANWAR</b>	<b>1</b>	<b>1,3,4</b>
	<b>TIDAK PASTI MASIH DIJAJAH PEMIKIRAN MEREKA</b>	<b>1</b>	<b>2,3</b>

Hasil dapatan objektif pertama (1)

Rumusan Jadual 9:

Adakah anda merasakan anak muda mulai menerima kepimpinan PMX?

Hasil dapatan jawapan mengikut tema dan *coding* para informan adalah:  
 Merujuk kepada hasil penyelidikan dan jawaban informan berkaitan, Adakah anda merasakan anak muda mulai menerima kepimpinan PMX? Majoriti informan menyatakan mereka mulai

menerima kepimpinan Anwar Ibrahim, namun perlukan lebih banyak penapisan fitnah dan penerangan tentang berita palsu yang dilemparkan terhadap kerajaan beliau.

**Transkrip Informan:**

**Objektif Kajian 3:**

Adakah pengenalan dasar kepimpinan Anwar Ibrahim diterima oleh anak muda?

**Jadual 10: Adakah Anda Yakin Isu Liwat Dan Agenda Pemenjaraan Anwar Ibrahim Adalah Suatu Konspirasi Politik?**

<b>SOALAN 10.1</b>	<b>INFORMAN</b>	<b>TRANSKRIP</b>
<b>ADAKAH ANDA YAKIN ISU LIWAT DAN AGENDA PEMENJARAAN ANWAR IBRAHIM ADALAH SUATU KONSPIRASI POLITIK?</b>	<b>1</b>	Kurang pasti
	<b>2</b>	Pada pandangan saya isu berkaitan tentang PMX <b>berkemungkinan konspirasi politik untuk menjatuhkan Anwar Ibrahim</b>
	<b>3</b>	Ya saya merasakan ianya merupakan permainan politik kerana keadaan situasi politik ketika itu cuba menutup agenda besar
	<b>4</b>	Ya kerana kita tahu dari segi sejarah terdapat beberapa <b>orang ternama yang mahu menjatuhkan beliau (PMX)</b> dan tak mahu beliau naik menjadi PM kerana idea yang dibawa
	<b>5</b>	Bagi saya ya, <b>kerana semasa situasi itu nama PMX sedang naik</b>

<b>SOALAN 10.2</b>	<b>TEMA</b>	<b>KOD</b>	<b>INFORMAN</b>
<b>ADAKAH ANDA YAKIN ISU LIWAT DAN AGENDA PEMENJARAAN ANWAR IBRAHIM ADALAH SUATU KONSPIRASI POLITIK?</b>	<b>AGENDA KONSPIRASI UNTUK JATUHKAN KREDIBILITI PMX</b>	<b>1</b>	<b>2,3,4,5</b>
	<b>KURANG PASTI</b>	<b>1</b>	<b>1</b>

Hasil dapatan objektif pertama (1)

Rumusan Jadual 10:

Adakah anda yakin isu liwat dan agenda pemenjaraan Anwar Ibrahim adalah suatu konspirasi politik?

Hasil dapatan jawapan mengikut tema dan *coding* para informan adalah:

Merujuk kepada hasil penyelidikan dan jawaban informan berkaitan, Adakah anda merasakan anak muda mulai menerima kepimpinan PMX? Majoriti informan menyatakan mereka

menolak fitnah liwat terhadap PMX dan melihat agenda berkaitan sebagai konspirasi jahat untuk menggugat kredibiliti beliau.

**Transkrip Informan:**

**Objektif Kajian 3:**

Adakah pengenalan dasar kepimpinan Anwar Ibrahim diterima oleh anak muda?

**Jadual 11: Adakah Anda Bertambah Yakin Menonton Atau Mendengar Tentang Filem *The Untold Story Anwar Ibrahim*?**

SOALAN 11.1	INFORMAN	TRANSKRIP
<b>ADAKAH ANDA BERTAMBAH YAKIN MENONTON ATAU MENDENGAR TENTANG FILEM <i>THE UNTOLD STORY ANWAR IBRAHIM</i>?</b>	1	Ya tapi saya belum sempat menonton filem berkaitan
	2	<b>Ya saya terinspirasi</b>
	3	<b>Ya saya dapat melihat perjalanan hidup beliau</b> dan membuatkan saya yakin dan kagum
	4	Secara jujurnya saya <b>tidak minat nak tonton filem</b> itu kerana dikatakan pihak FINAS telah <i>cut</i> jalan cerita filem itu dan seolah-olah ada sesuatu yang hendak disembunyikan kepada masyarakat
	5	<b>Setelah mendengar tidak memberi kesan</b> kepada saya kerana yang penting ialah hasil yang beliau akan salurkan kepada negara

SOALAN 11.2	TEMA	KOD	INFORMAN
<b>ADAKAH ANDA BERTAMBAH YAKIN MENONTON ATAU MENDENGAR TENTANG FILEM <i>THE UNTOLD STORY ANWAR IBRAHIM</i>?</b>	<b>SAYA TERINSPIRASI DAN KAGUM</b>	1	1,2,3
	<b>TIDAK BERI KESAN PADA SAYA</b>	1	4,5

Hasil dapatan objektif pertama (1)

Rumusan Jadual 11:

Adakah anda bertambah yakin menonton atau mendengar tentang filem *The Untold Story Anwar Ibrahim*?

Hasil dapatan jawapan mengikut tema dan *coding* para informan adalah:  
 Merujuk kepada hasil penyelidikan dan jawaban informan berkaitan, Adakah anda bertambah yakin menonton atau mendengar tentang filem *The Untold Story Anwar Ibrahim?* Majoriti informan menyatakan mereka terinspirasi, namun ada juga yang tidak mampu menerima kesan selepas menonton filem, serta masih ramai lagi yang belum sempat menonton filem berkaitan.

**Transkrip Informan:**

**Objektif Kajian 3:**

**ADAKAH PENGENALAN DASAR KEPIMPINAN ANWAR IBRAHIM DITERIMA OLEH ANAK MUDA?**

**Jadual 12: Adakah Anda Yakin Agenda Perangi Rasuah, Pemerkasaan Penjawat Awam, Kebebasan Tatakelola Kerajaan Akan Lebih Baik di Bawah Kepimpinan PMX?**

SOALAN 12.1	INFORMAN	TRANSKRIP
<b>ADAKAH ANDA YAKIN AGENDA PERANGI RASUAH, PEMERKASAAN PENJAWAT AWAM, KEBEBASAN TATAKELOLA KERAJAAN AKAN LEBIH BAIK DI BAWAH KEPIMPINAN PMX?</b>	1	Ya jika beliau berusaha memerangi masalah ini
	2	Benar PMX lebih proaktif
	3	Ya kerana dapat dilihat tumpuk pemerintahan beliau yang tegas mampu memerangi isu rasuah dalam negara
	4	Ya kerana kita dapat lihat pada masa sekarang apa yang dilakukan oleh beliau terhadap perangi rasuah amatlah baik seperti yang diperkatakan olehnya
	5	PMX dikenali sebagai anti rasuah dan kini beliau sedang mengaudit negara boleh menjadi lebih baik

SOALAN 12.2	TEMA	KOD	INFORMAN
<b>ADAKAH ANDA YAKIN AGENDA PERANGI RASUAH, PEMERKASAAN PENJAWAT AWAM, KEBEBASAN TATAKELOLA KERAJAAN AKAN LEBIH BAIK DI BAWAH KEPIMPINAN PMX?</b>	<b>YAKIN KERANA BELIAU PROAKTIF DAN BERUSAHA PERANGI RASUAH</b>	1	1,2,3,4,5

Hasil dapatan objektif pertama (1)

Rumusan Jadual 12:

Adakah anda yakin agenda perangi rasuah, pemerkasaan penjawat awam, kebebasan tatakelola kerajaan akan lebih baik di bawah kepimpinan PMX?

Hasil dapatan jawapan mengikut tema dan *coding* para informan adalah:  
 Merujuk kepada hasil penyelidikan dan jawaban informan berkaitan, Adakah anda yakin agenda perangi rasuah, pemerkasaan Penjawat Awam, kebebasan tatakelola kerajaan akan lebih baik di bawah kepimpinan PMX? Majoriti informan menyatakan PMX amat signifikan di dalam agenda perangi rasuah secara konsisten serta mampu memperkasakan sistem kepimpinan kerajaan di negara ini.

**Transkrip Informan:**

**Objektif Kajian 3:**

**ADAKAH PENGENALAN DASAR KEPIMPINAN ANWAR IBRAHIM DITERIMA  
OLEH ANAK MUDA?**

**Jadual 13: Adakah Yakin Melayu Islam Dan Perlembagaan Persekutuan Akan Lebih Terjamin di Bawah Kepimpinan PMX?**

<b>SOALAN 13.1</b>	<b>INFORMAN</b>	<b>TRANSKRIP</b>
<b>ADAKAH YAKIN MELAYU ISLAM DAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN AKAN LEBIH TERJAMIN DI BAWAH KEPIMPINAN PMX?</b>	<b>1</b>	Kurang pasti, beliau kurang mengetengahkan perihal ini
	<b>2</b>	Benar PM seorang yang menjunjung hukum Islam
	<b>3</b>	Pada pandangan saya ya Melayu, Islam, atau Perlembagaan akan terjamin kerana PMX prihatin akan setiap lapisan masyarakat
	<b>4</b>	Ya saya yakin
	<b>5</b>	Saya tidak begitu yakin

<b>SOALAN 13.2</b>	<b>TEMA</b>	<b>KOD</b>	<b>INFORMAN</b>
<b>ADAKAH YAKIN MELAYU ISLAM DAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN AKAN LEBIH TERJAMIN DI BAWAH KEPIMPINAN PMX?</b>	<b>BELIAU SEORANG YANG JUNJUNG HUKUM ISLAM DAN AMAT YAKIN</b>	<b>1</b>	<b>2,3,4</b>
	<b>KURANG PASTI DAN KURANG PENDEDAHAN TENTANG PENDIRIAN PMX</b>	<b>1</b>	<b>1,5</b>

Hasil dapatan objektif pertama (1)

Rumusan Jadual 13:

Adakah yakin Melayu Islam dan Perlembagaan Persekutuan akan lebih terjamin di di bawah kepimpinan PMX?

Hasil dapatan jawapan mengikut tema dan *coding* para informan adalah:  
 Merujuk kepada hasil penyelidikan dan jawaban informan berkaitan, Adakah yakin Melayu Islam dan Perlembagaan Persekutuan akan lebih terjamin di di bawah kepimpinan PMX? Majoriti informan menyatakan mereka yakin dan mengharapkan lebih banyak kenyataan diperteguhkan oleh PMX berkaitan isu berikut.

**Transkrip Informan:**

**Objektif Kajian 3:**

**ADAKAH PENGENALAN DASAR KEPIMPINAN ANWAR IBRAHIM DITERIMA OLEH ANAK MUDA?**

**JADUAL 14: ADAKAH ANDA YAKIN PRN 6 NEGERI PADA JULAI 2023 AKAN BERPIHKAK KEPADA PMX ATAU PN?**

SOALAN 14.1	INFORMAN	TRANSKRIP
<b>ADAKAH ANDA YAKIN PRN 6 NEGERI PADA JULAI 2023 AKAN BERPIHKAK KEPADA PMX ATAU PN?</b>	<b>1</b>	Kurang pasti
	<b>2</b>	Pada pendapat saya PMX sudah menambat hati warga malaysia maka dengan itu PMX mempunyai peluang cerah untuk menang PRN
	<b>3</b>	Ya saya yakin kerana kredibiliti beliau amat ketara sepanjang pemerintahan di Kerajaan Perpaduan
	<b>4</b>	Pada pandangan saya PRN yang akan dijalankan nanti peluangnya agak 50-50 kerana kita dapat lihat platform media sosial seperti TikTok dimonopoli oleh ideologi yang dibawa oleh parti PN sama ada daripada <i>influencer</i> mahupun artis-artis tempatan.  Pihak Kerajaan Persekutuan juga perlu memanfaatkan semua platform untuk tujuan berkempen dan menyebarkan ideologi Kerajaan Persekutuan
	<b>5</b>	Berpihak kepada PN kerana rakyat terutamanya warga emas penyokong PN

SOALAN 14.2	TEMA	KOD	INFORMAN
<b>ADAKAH ANDA YAKIN PRN 6 NEGERI PADA JULAI 2023 AKAN BERPIHKAK KEPADA PMX ATAU PN?</b>	<b>KURANG PASTI DAN KEPUTUSAN LEBIH BERPIHKAK KEPADA PN KERANA UNDI WARGA EMAS</b>	<b>1</b>	<b>1,5</b>
	<b>YAKIN KERANA PMX TELAH MENAMBAT HATI RAKYAT</b>	<b>1</b>	<b>2,3</b>
	<b>PELUANG AGAK 50-50</b>		<b>4</b>

Hasil dapatan objektif pertama (1)

Rumusan Jadual 13:

Adakah anda yakin PRN 6 Negeri pada Julai 2023 akan berpihak kepada PMX atau PN?

Hasil dapatan jawapan mengikut tema dan *coding* para informan adalah:

Merujuk kepada hasil penyelidikan dan jawaban informan berkaitan, Adakah anda yakin PRN 6 Negeri pada Julai 2023 akan berpihak kepada PMX atau PN. Majoriti informan menyatakan mereka yakin telah ada usaha dijalankan oleh PMX untuk menambat hati dan meyakinkan rakyat namun, PN dilihat telah menguasai undi warga emas dan juga media sosial di negara ini, untuk menggugat kepimpinan kerajaan yang sedia ada. Justeru peluang untuk kerajaan memenangi PRN pada Ogos 2023 dilihat 50-50.

### Kesimpulan

Sebagai rumusan daripada hasil dapatan kualitatif, Anwar Ibrahim dilihat amat mesra anak muda, serta prihatin terhadap apa sahaja isu yang disuarakan kepada beliau dan juga sebahagian Jemaah Menteri Kerajaan Perpaduan. Beliau juga diperakui memiliki kepimpinan, aura serta karisma yang tinggi dan terpelihara, untuk memimpin negara ini. Majoriti anak muda menerima kepimpinan Anwar Ibrahim namun demikian wujud sedikit kegusaran khususnya keperluan penerangan terhadap hebatan berita palsu yang dilemparkan terhadap kepimpinan dan kerajaan beliau. Merujuk penyelidikan yang dijalankan oleh Meijer (2012) jelas menunjukkan bahawa perkembangan ledakan media baharu telah berjaya membentuk persekitaran interaksi dalam alam maya dan meningkatkan partisipasi yang meluas di kalangan pengguna. Budaya meracuni pemikiran anak muda, golongan warga emas serta pengundi di luar bandar oleh sesetengah parti politik yang memainkan isu 3R dilihat telah berjaya mempengaruhi Kelantan, Kedah dan Terengganu. Merujuk kajian kuantitatif pula sebanyak 70% responden setuju PMX amat berkarisma untuk memimpin negara ini. 64% responden yakin dengan dasar dan perkhidmatan kerajaan manakala, 72% menyokong dasar pemerkasaan ekonomi, yang diterapkan oleh Anwar Ibrahim. Justeru itu, diharapkan hasil penyelidikan ini mampu diperhalusi oleh kerajaan kepimpinan Anwar Ibrahim, untuk agenda pemerkasaan tamadun bangsa Malaysia, yang berdaulat, berintegriti serta berdaya saing. Di samping PMX dan Kerajaan Perpaduan perlu memastikan sokongan majoriti 2/3 Ahli Parlimen, kepimpinan Istana Negara, Raja-Raja Melayu serta majoriti pengundi akar umbi, menyokong kepimpinan Kerajaan Perpaduan dari semasa ke semasa.

### Penghargaan

Syukur alhamdulillah penyelidikan ini berjaya diterbitkan melalui sokongan dan keterlibatan pelajar pelajar Degree dan Diploma FKPM UiTM Melaka yang sudi menjadi responden.

Ucapan penghargaan tidak terhingga kepada urusetia Conference UiTM Perak dan juga mereka yang nekad mendoakan kertas penyelidikan ini berjaya dihasilkan.

### Rujukan

- Abdul Monir Yaacob (2009). *Prinsip-prinsip pemerintahan dalam masyarakat majmuk*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Adams, C. (1980). A Reappraisal of the work incentive aspects of welfare reform. *Social Service Review*, 54(4), 521-536.
- Akmal, F., & Salman, A. (2015). Youth online political participation through new media information democracy space. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 31(1), 81–100. <https://doi.org/10.17576/jkmjc-2015-3101-05>
- Arikunto, S. (2002). *Prosedur Penelitian Suatu Pendekatan Praktek*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Azizan Bahari. (1995). *Pergerakan belia: Persoalan dan cabaran*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
- Bensman, J., & Givant, M. (1975). Charisma and modernity: The use and abuse of a concept. *Social Research*, 42, 570-614.
- Braun, V. & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative research in Psychology*, 3(2), 77-101.
- Cogner, J. A. & Kanungo, R. N. (2011). Toward a behavioral theory of charismatic leadership in organizational settings. *Academy of Management Review*, 12, 637-647.
- Fabli Yusof & Mohd Sufiean Hassan. (2020). “Kes Penghinaan Raja- Raja/Yang Di-Pertuan Agong Di Media Sosial: Tindakan Dan Penguatkuasaan Undang-Undang Dalam Kebebasan Bersuara.” *Journal of Law & Governance* 3(1), 127-142.
- Faridah Shaari. 1997. *Kesedaran, sikap dan partisipasi politik anggota tentera Malaysia: Kajian kes di Kementerian Pertahanan Malaysia*. Latihan Ilmiah, Jabatan Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Holloway, I. & Todres, L. (2003). The status of method: Flexibility, consistency and coherence. *Qualitative Research*, 3(3), 345–357.
- Junaidi Awang Besar. (2023). Pilihan raya umum Malaysia ke-15: Pola sokongan pengundi berdasarkan faktor kewilayahannya. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, 20(1), 168-180.
- Meijer, A. (2012). Co-production in an information age: Individual and community engagement supported by new media. *International Jounal of Voluntary and Nonprofit Organizations*, 23(4), 1156-1172.
- Mohd Anuar Ramli, Muhammad Izzul Syahmi Zulkepli,Mohammad Naqib Hamdan & Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar. (2018). “Aplikasi al-Tabayyun Dalam Menangani Penularan Maklumat Palsu Berkaitan Produk Halal.” *Jurnal al-Basirah*, 8(1), 23-36.
- Siti Ezaileila Mustafa., & Azizah Hamzah. (2011). Media Baharu yang baharu: Trend penggunaan jaringan sosial dalam kalangan pengguna di Malaysia. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 13(2), 93-110.